

KEMPEN HONG LEONG BANK BERHAD -“JUST ASK OUR ARTIFICIAL INTELLIGENCE CHAT ADVISOR”

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Hong Leong Connect– Just Ask Our Artificial Intelligence Chat Advisor” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Hong Leong Bank Berhad (“**Bank**”) dan bermula pada 25 Oktober 2017 dan berakhir pada 31 Disember 2017 termasuk kedua-dua tarikh, kecuali diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Kempen**”).

TERMA & SYARAT (“T&S”)

Berikut adalah terma dan syarat untuk Kempen ini:

KELAYAKAN

1. Kempen dibuka kepada semua pelanggan individu Bank yang sedia ada dan yang baru berumur lapan belas (18) tahun ke atas (termasuk pekerja tetap dan kontrak Bank) yang telah:
 - a) mendaftar Hong Leong “Connect Digital Banking Services” (“HL Connect”); dan
 - b) membuat soalan berkaitan perbankan yang sah kepada perkhidmatan perhubungan “Artificial Intelligence” (“perkhidmatan perhubungan A.I.”) yang tersedia selepas pelanggan log masuk ke akaun “HL Connect” mereka.
(selepas ini dirujuk sebagai “Peserta Individu yang Layak”)
2. Bagi mengelakkan keraguan, terma berikut membawa maksud seperti di bawah:
 - a) “pelanggan individu baru” merujuk kepada individu yang mendaftar untuk “HL Connect” sepanjang Tempoh Kempen; dan
 - b) “soalan berkaitan perbankan” bermaksud pertanyaan bukan bersifat transaksi (contohnya arahan untuk pindahan dana) dan yang berkaitan dengan produk Bank seperti:

No.	Bank products	Link to product information
i.	Akaun semasa atau simpanan Bank	https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/deposits.html#section-current-account-2
ii.	Deposit tetap	https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/deposits.html#section-current-account-2
iii.	Kad kredit	https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/credit-cards.html
iv.	Pinjaman serta	https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/loans.html
v.	Waktu operasi dan lokasi cawangan Bank	https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/help-support/branch-locator.html/
vi.	Lokasi ATM	https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/help-support/branch-locator.html/
vii.	HL Connect	https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/hong-leong-connect/overview.html

TATA CARA KEMPEN

3. Bagi setiap soalan berkaitan perbankan yang ditanya kepada perkhidmatan perhubungan A.I., Peserta Individu yang Layak akan diberikan satu (1) penyertaan cabutan bertuah ("Penyertaan") semasa Tempoh Kempen. Peserta Individu yang Layak hanya layak menerima satu (1) Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen walaupun Peserta Individu yang Layak telah bertanya lebih daripada satu (1) soalan berkaitan perbankan.
4. Sebanyak **tiga (3) unit** telefon pintar Samsung Galaxy S8 (dengan memori dalaman 64GB) ("**Hadiah**") disediakan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Kempen.

PEMILIHAN & PEMBERITAHUAN PEMENANG

5. Pada hujung Tempoh Kempen, tiga (3) Peserta Individu yang Layak akan disenarai pendek secara pilihan rawak ("**Pelanggan Disenarai Pendek**") dan akan dihubungi melalui nombor terkini beliau yang diberikan oleh Pelanggan Disenarai Pendek tersebut seperti yang ditunjukkan, dan telah disimpan oleh dan ditunjukkan dalam sistem dan/atau rekod Bank oleh agen sah Bank, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574-V) ("**Dynamic Search**") untuk menjawab dua (2) soalan yang diberikan oleh Bank. Nama Pelanggan yang Disenarai Pendek, nombor hubungan dan alamat mereka akan diberikan kepada Dynamic Search untuk dihubungi.
6. Maksimum tiga (3) percubaan akan dibuat oleh Dynamic Search untuk menghubungi Pelanggan Disenarai Pendek dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) antara 10:00 pagi hingga 6:00 petang. Rekod-rekod percubaan panggilan Dynamic Search kepada Pelanggan Disenarai Pendek adalah muktamad mengenai perkara itu. Sekiranya Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pelanggan Disenarai Pendek selepas tiga (3) percubaan, penyertaan beliau akan dibatalkan daripada Kempen ini dan tidak berpeluang untuk memenangi Hadiah.
7. Sekiranya mana-mana tiga (3) Pelanggan Disenarai Pendek gagal menjawab soalan dengan betul, Peserta Individu yang Layak tambahan akan dipilih secara rawak dan disenarai pendek ("**Pelanggan Disenarai Pendek Tambahan**") untuk pemilihan pemenang.
8. Jika Pelanggan Disenarai Pendek Tambahan juga gagal menjawab soalan dengan betul, Bank atau Dynamic Search akan cuba menghubungi Peserta Individu yang Layak yang lain sehingga Hadiah diberikan.
9. Pelanggan yang Disenarai Pendek yang menjawab kedua-dua soalan dengan betul akan memenangi Hadiah ("**Pemenang**").
10. Setiap Pemenang hanya layak untuk menang satu (1) Hadiah untuk Kempen ini.

PENGHANTARAN & PEMBERITAHUAN

11. Pemenang akan dimaklumkan oleh Bank sama ada panggilan telefon, e-mel atau dalam lain-lain cara yang Bank fikirkan praktikal atas dasar usaha terbaik di nombor telefon atau/dan alamat e-mel terkini yang diberikan oleh Pemenang seperti yang ditunjukkan, dan yang telah disimpan oleh dan

ditunjukkan dalam sistem dan/atau rekod Bank dalam tempoh empat (4) minggu selepas hari terakhir Tempoh Kempen.

12. Hadiah ("**Hadiah**") akan dihantar melalui perkhidmatan kurier ke alamat terkini Pemenang masing-masing yang diberikan oleh Pemenang seperti yang ditunjukkan dalam, dan telah disimpan oleh dan ditunjukkan dalam sistem dan/atau rekod Bank dalam tempoh lapan (8) minggu selepas hari terakhir Tempoh Kempen.

AM

13. Dengan menyertai Kempen ini, pengguna "HL Connect" bersetuju:

- a) bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh T&S tersebut, terma dan syarat "HL Connect" dan mana-mana terma dan syarat berkaitan lain yang Bank mungkin kenakan dari masa ke semasa;
- b) bahawa keputusan Bank ke atas semua perkara berkaitan dengan Kempen ini terakhir, muktamad, dan mengikat ke atas semua Peserta Individu yang Layak dan pengguna "HL Connect". Rayuan atau surat-menyerat selanjutnya tidak akan dilayan;
- c) untuk mengakses www.hlb.com.my ("**Laman Web Bank**") dengan kerap untuk melihat T&S dan untuk memastikan bahawa Peserta Individu yang Layak dan pengguna "HL Connect" dikemas kini dengan sebarang perubahan atau pindaan kepada T&S;
- d) bahawa Bank tidak mewakili atau memberi jaminan berkaitan dengan mutu atau kesesuaian Hadiah dan mereka perlu berurusan secara terus dengan pembekal dan/atau pembuat bagi semua maklumat jaminan berhubung dengan Hadiah tanpa dakwaan terhadap Bank;
- e) bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa juga keadaan bagi sebarang kehilangan, kecacatan, kerosakan, tarikh luput atau kecurian Hadiah. Sebarang permintaan untuk penggantian atas kehilangan, kecacatan, kerosakan, tarikh luput atau kecurian Hadiah tidak akan dilayan oleh Bank;
- f) membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka (seperti nama, nombor kad pengenalan nombor dan butiran perhubungan) kepada penyedia perkhidmatan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada Dynamic Search untuk tujuan Kempen ini;
- g) Pemenang juga dengan ini memberi keizinan kepada dan membenarkan HLB untuk mendedahkan atau menyiarkan nama, atau foto mereka dalam bahan media, pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Peraduan;
- h) bahawa Hadiah tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit, cek atau seumpamanya.

14. Bank berhak untuk:

- a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Hadiah dengan produk lain yang sama nilainya mengikut budi bicaranya dengan cara

menyiarkan tersebut dalam Laman Web HLB, atau apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB;

- b) membatalkan Hadiah sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap T&S;
 - c) membatalkan mana-mana Peserta Individu yang Layak dan pengguna "HL Connect" mengikut budi bicara tunggal dan mutlak daripada menyertai Kempen bagi apa jua sebab sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:
 - i. Jika akaun beliau telah menjadi dorman, disita, dihalang, digantung atau tidak aktif sepanjang Tempoh Kempen;
 - ii. Jika Peserta Individu yang Layak dan pengguna "HL Connect" telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, pemalsuan atau penipuan berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis (tertakluk kepada suatu petisyen oleh mana-mana Bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.
15. T&S yang terkandung di sini adalah untuk dibaca bersama dengan terma dan syarat untuk "HL Connect" sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya berlaku percanggahan, T&S di sini akan mengatasi sehingga tahap percanggahan tersebut.
16. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&S berbanding dengan terma dan syarat yang terdapat dalam pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen, T&S yang terpapar di Laman Web Bank pada tarikh semasa akan diguna pakai.
17. T&S yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Peserta Individu yang Layak dan pengguna "HL Connect" bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.